Utusan Borneo : 26 November 2026

Keldai akaun didenda RM8,000

SIBU: Seorang lelaki dijatuhi hukuman denda RM8,000 atau penjara lapan bulan oleh Mahkamah Majistret Sibu, semalam kerana membantu pemberi pinjam wang tanpa lesen dengan cara menyediakan akaun bank bagi tujuan pembayaran balik pinjaman.

Majistret Romario Jonoi menjatuhkan hukuman itu terhadap Ng Sze Yao, 32, yang mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan.

Ng terdahulu didakwa membantu pemberi pinjam wang yang melanggar Subseksyen 5(1) Akta Pemberi Pinjam Wang 1952 dengan cara menyediakan akaun bank milik pihak ketiga dan mengarahkan peminjam untuk memindahkan wang ke dalam akaun bank tersebut bagi tujuan membayar balik hutang yang timbul daripada pinjaman wang yang diberikan oleh pemberi pinjam wang tanpa lesen.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di sebuah premis di Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce pada 12 Januari 2026 dan telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 29AA(1) Akta Pemberi Pinjam Wang 1952, yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya sekali.

Berdasarkan fakta kes, pengadu telah menerima sejumlah wang daripada individu yang tidak dikenali ke dalam akaun bank peribadinya pada bulan Januari 2026.

Seterusnya, individu-individu tersebut menghubungi pengadu melalui WhatsApp mendakwa bahawa wang yang dipindahkan itu merupakan pinjaman perniagaan serta menuntut pembayaran balik berserta kadar faedah tertentu.

Walaupun pengadu menafikan pernah memohon sebarang pinjaman, individu-individu tersebut terus mengugut untuk menyebarkan gambar-gambarnya dan mengganggu ahli keluarganya sekiranya bayaran tidak dibuat.

Selain itu, pengadu turut menerima ugutan melalui panggilan telefon yang mengancam keselamatan diri dan keluarganya, termasuk ancaman untuk mencederakannya serta menculik anaknya.

Hasil siasatan yang dijalankan mendapati tertuduh telah membantu pemberi pinjam wang tidak berlesen dengan menyediakan akaun bank milik pihak ketiga bagi tujuan menerima wang serta mengarahkan pihak ketiga tersebut untuk memindahkan wang ke dalam akaun bank berkenaan.

Siasatan lanjut mendedahkan, akaun bank tersebut digunakan untuk memudahkan pembayaran balik hutang yang timbul daripada pinjaman wang yang diberi pemberi pinjam wang tidak berlesen itu.

Tindakan tertuduh membantu pemberi pinjam wang tidak berlesen tersebut dengan memudahkan pemindahan wang dipercayai mempunyai kaitan dengan aktiviti pemberian pinjaman wang tidak berlesen.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Ting Yew Kang sementara tertuduh yang tidak diwakili peguam bela, dibebaskan setelah membayar dendanya.